



**SASBADI HOLDINGS BERHAD**

(1022660-T)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4,

Taman Sains Selangor 1,

Kota Damansara,

47810 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603 6145 1188

Fax: +603 6145 1199

Website: [www.sasbadiholdings.com](http://www.sasbadiholdings.com)

Email: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)

## UNTUK PENYIARAN SERTA-MERTA

### **16 BUAH PASUKAN NEGARA TUMPU PERHATIAN UNTUK MUNCUL SEBAGAI JUARA KESELURUHAN DI *WORLD ROBOT OLYMPIAD* 2019, HUNGARY**

**PUTRAJAYA, 5 November 2019** – Sebanyak 16 buah pasukan yang terdiri daripada 46 pelajar akan mewakili Malaysia dalam kejohanan *16<sup>th</sup> World Robot Olympiad* (WRO) yang akan diadakan di Győr, Hungary dari 8 hingga 10 November 2019. Kontinjen Malaysia yang kini menumpukan perhatian untuk mempertahankan gelaran juara keseluruhan yang diperoleh pada tahun lalu telah menerima Jalur Gemilang daripada Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dr. Maszlee bin Malik dalam Majlis Penyerahan Jalur Gemilang hari ini.

Kontinjen Malaysia terdiri daripada pasukan-pasukan yang muncul sebagai juara dalam acara-acara yang dipertandingkan dalam *National Robotics Competition* (NRC) peringkat kebangsaan, *National Robotics Open Competition* (NROC) dan *National Advanced Robotics Challenge* (NARC) yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Sasbadi Holdings Berhad pada bulan September tahun ini.

Kontinjen negara memulakan persediaan terakhir dengan mengikuti sebuah kem yang dianjurkan oleh Sasbadi dan Kementerian Pendidikan Malaysia di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur dari 1 hingga 6 November 2019. Dalam kem persediaan tersebut, para pelajar telah dibantu oleh jurulatih dari Sasbadi untuk menambah baik robot dan persembahan bagi memastikan reka cipta mereka berada dalam keadaan yang terbaik sebelum menyertai WRO.



Rakan kongsi kebangsaan :



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



Dikuasakan oleh :



**Semasa penyerahan Jalur Gemilang, Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dr. Maszlee bin Malik berkata,** “Saya berasa kagum dan bangga akan prestasi dan pencapaian para pemenang NRC, NROC dan NARC. Walaupun ada kalangan peserta yang baru berusia 9 tahun, namun anda semua telah membuktikan bahawa anda mampu menjadi cemerlang sekiranya mempunyai minat yang mendalam serta berusaha gigih untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. saya menaruh harapan tinggi kepada semua pasukan yang terpilih pada hari ini untuk sama-sama mengulangi kejayaan yang telah dicapai sebelum ini.”

Turut berada dalam Majlis Penyerahan Jalur Gemilang ialah **Pengarah Urusan Kumpulan Sasbadi Holdings Berhad, Encik Law King Hui.** Beliau berkata, “Dalam era digital ini, usaha mempersiapkan pelajar untuk mendepani cabaran teknologi dalam bidang pekerjaan apabila robot semakin terintegrasi dalam kehidupan kita adalah sangat penting. Oleh itu, pertandingan robotik dilihat sebagai salah satu platform utama untuk menggalakkan para pelajar untuk belajar, bekerja dan berkolaborasi dalam menyelesaikan cabaran dunia hari ini.”

NRC ialah pertandingan robotik yang terbuka kepada pelajar sekolah rendah dan menengah; NROC pula terbuka kepada pelajar sekolah swasta dan antarabangsa; manakala NARC terbuka kepada pelajar institusi pengajian tinggi. Pertandingan-pertandingan robotik ini bertujuan untuk memupuk minat pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Berdasarkan tema tahun ini, *Smart Cities*, pelajar dicabar untuk memahami peranan Internet Kebendaan atau *Internet of Things* (IoT) yang dapat menambah baik operasi bandar pintar dengan mereka cipta pelbagai solusi dari segi penjimatan tenaga, kelancaran sistem trafik dan kemudahan pengangkutan. Kontinjen Malaysia akan bertanding dalam empat kategori: **Regular, Open, WRO Football** atau **Advanced Robotics Challenge**.

Dalam kategori *Regular*, pelajar sekolah rendah (berumur 7 hingga 12 tahun) dicabar untuk mereka cipta dan memprogram sebuah teksi pandu sendiri; pelajar sekolah menengah rendah (berumur 13 hingga 15 tahun) pula berhadapan dengan cabaran berkaitan pencahayaan pintar. Bagi pelajar sekolah menengah atas (berumur 16 hingga 19 tahun), mereka perlu mereka cipta dan memprogram sebuah robot untuk memasang peranti nod




Rakan kongsi kebangsaan :



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



Dikuasakan oleh :



wayarles. Setiap pasukan dinilai dari segi pratikal dan kreativiti mereka dalam penggunaan teknologi LEGO® MINDSTORMS® di atas litar permainan.

Dalam kategori *Open* (terbuka kepada pelajar sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas), pasukan diminta untuk membentangkan solusi robotik dalam aspek-aspek pentadbiran, tempat kerja dan pendidikan kepada para hakim. Kategori *WRO Football* pula menyediakan cabaran bola sepak robotik yang memerlukan pasukan-pasukan yang terlibat memprogram 2 buah robot (1 penjaga gol dan 1 penyerang) untuk bertanding antara satu dengan yang lain. Akhirnya, pelajar institusi pengajian tinggi dicabar dalam kategori *Advanced Robotics Challenge* untuk mereka cipta dan memprogram sebuah robot untuk berkebum di rumah hijau.

Kontinjen Malaysia telah mencapai kejayaan yang amat membanggakan dalam sejarah pertandingan di pentas WRO selepas digelar Juara Keseluruhan sebanyak 7 kali dalam 10 tahun. Pada tahun lepas di Chiang Mai, Thailand, Kontinjen Malaysia telah berjaya merangkul 3 pingat emas, 1 pingat gangsa, dan 4 Anugerah Kecemerlangan. Untuk maklumat lanjut tentang pertandingan tersebut, sila layari <https://wro-association.org>




Rakan kongsi kebangsaan :



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



Dikuasakan oleh :



## TENTANG RAKAN KONGSI KEBANGSAAN WRO – SASBADI HOLDINGS BERHAD

Sasbadi Holdings Berhad ialah sebuah syarikat penyedia solusi pendidikan yang telah tersenarai di Bursa Saham Malaysia sejak tahun 2014. Ditubuhkan pada tahun 1985, syarikat ini telah berkembang daripada penerbit buku dan bahan pendidikan yang berkualiti kepada penyedia solusi pendidikan terkemuka dengan menawarkan pelbagai produk melalui pelbagai medium. Produk-produk tersebut termasuklah bahan pendidikan akademik dan bukan akademik, produk digital yang berteknologi tinggi, alat pembelajaran dan produk perniagaan rangkaian pemasaran berbilang aras.

Kumpulan Sasbadi Holdings menjalankan operasi berdasarkan lima teras, iaitu Membangunkan Kandungan, Membangunkan Teknologi, Mengasah Kemahiran, Memperkayakan Kehidupan dan Membina Rangkaian. Menyedari kepentingan pembelajaran abad ke-21, Sasbadi telah menjuarai pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui program robotik untuk para pelajar dengan kerjasama dengan rakan-rakan strategi utama seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan LEGO Education. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.sasbadiholdings.com/>

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:*

**Joanne Tay**

**Group Marketing & Communication Manager**

**Sasbadi Holdings Berhad**

Tel: 03-61451022 / 016-2101220

E-mel: [joannetay@sasbadi.com](mailto:joannetay@sasbadi.com)

**Jason Kok**

**Marketing & Communication Executive**

**Sasbadi Holdings Berhad**

Tel: 03-61451019 / 012-2115862

E-mel: [jasonkok@sasbadi.com](mailto:jasonkok@sasbadi.com)



Rakan kongsi kebangsaan :



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



Dikuasakan oleh :

